

Muhyiddin digesa minta maaf

Guan Eng dakwa kenyataan batal pengecualian cukai terhadap Yayasan Albukhary fitnah

Oleh Suzalina Halid, Latifah Ariffin dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, diminta memohon maaf secara terbuka susulan kenyataan berbaur fitnah membatalkan pembatalan pengecualian cukai terhadap Yayasan Albukhary.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng, turut menggesa Muhyiddin yang juga bekas Perdana Menteri dan Presiden BERSATU, menarik balik dakwaan terbabit serta-merta.

Guan Eng menegaskan, tindakan perundangan akan diambil ke atas Muhyiddin jika gagal mematuhi gesaan berkenaan.

"Tindakan perundangan (ke atas Muhyiddin) bukan sahaja secara sivil seperti dinyatakan sebelum ini. Saya harap beliau tahu apa yang berlaku walaupun tidak hadir pada persidangan Dewan Rakyat pagi ini (semalam).

"Saya harap beliau mengikuti perjalanan persidangan Dewan Rakyat secara siaran langsung untuk mengetahui apa yang berlaku.

"Harap beliau bertindak secara bermaruah dengan menarik balik dan memohon maaf supaya perkara ini boleh diselesaikan,

kalau tidak saya akan buat tindakan seterusnya," katanya pada sidang media di Lobi Parlimen, semalam.

Terdahulu, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, menafikan Guan Eng membatalkan pengecualian cukai terhadap Yayasan Albukhary seperti didakwa sesetengah pihak sebelum ini.

Pada 9 Mac lalu, Muhyiddin dalam kenyataan selepas disoal siasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa kerajaan Pakatan Harapan (PH) membatalkan pengecualian pembayaran cukai diluluskan kepada Yayasan Albukhary.

Beliau dilaporkan berkata, mengetahui punca Guan Eng yang ketika itu Menteri Kewangan, membatalkan pengecualian cukai diperoleh Yayasan Albukhary sebelum itu.

Sementara itu, Guan Eng yang juga Pengerusi DAP mengulangi pendirian tidak pernah meneliti fail atau memberi arahan supaya pengecualian cukai ke atas Yayasan Albukhary dibatalkan seperti didakwa Muhyiddin.

"Saya tak mahu diheret beliau dalam kes rasuah berkaitan Program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (Jana Wibawa) atau kes pengecualian cukai diberikan kepada Yayasan Albukhary

"Saya diheret walaupun tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan Jana Wibawa atau Yayasan Albukhary.

"Saya rasa ini disengajakan untuk menimbulkan sentimen, khususnya sebagai Menteri Kewangan bukan Islam membatalkan pengecualian cukai kepada institusi amal Islam.

"Ini pastinya memenuhi hasrat



Guan Eng pada sidang media di Lobi Parlimen, semalam.

Perikatan Nasional (PN) memainkan sentimen tidak sihat. Ini fitnah dan pembongkaran sangat jahat serta tidak adil kepada saya, selain berharap perkara ini boleh diselesaikan menerusi tindakan Muhyiddin memohon maaf kepada saya," katanya.

Tak beri maklum balas

Mengenai surat tuntutan berhubung perkara itu, Guan Eng berkata, Muhyiddin tidak mengemukakan sebarang maklum balas sejak dokumen itu diserahkan menerusi Tetuan Gouk, pada 15 Mac lalu.

"Beliau masih berdegil, tak mahu akui membuat fitnah ke

atas saya," katanya yang juga bekas Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sementara itu, Anwar memberitahu Dewan Rakyat semalam, rekod Kementerian Kewangan (MoF) mengesahkan Guan Eng tidak membatalkan pengecualian cukai Yayasan Albukhary seperti didakwa ketika menjadi Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata, kelulusan pengecualian cukai pendapatan itu dibuat di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) pada 25 Februari 2021.

"Ia adalah pengecualian cukai di luar kebiasaan membatalkan

Yayasan Albukhary dan Kumpulan Albukhary," katanya menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri.

Anwar menjelaskan, kuasa pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta 53 adalah kuasa mutlak Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), bukannya Menteri Kewangan atau Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, perkara berkenaan tidak boleh diulas lebih lanjut kerana kes berkaitan perkara itu masih dalam siasatan serta tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan mahkamah.

"Cuma pendekatan kita tentu berbeza dari dulu iaitu meminta syarikat memindahkan kewangan besar, memberi pengecualian dan kemudian menderma kepada parti atau perseorangan.

"Saya memilih memanggil (Pengerusi Yayasan Albukhary) Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary memberi jaminan sokongan kepada projek yang memberi manfaat kepada negara dan bagi kepentingan pesawah miskin.

"Disebabkan ini membatalkan syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), saya minta dia (Syed Mokhtar) derma kepada pesawah secara langsung iaitu RM60 juta kepada pesawah," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau memilih pendekatan berbeza iaitu buat pertama kalinya BERNAS menyumbang 30 peratus keuntungan bersih yang direkodkan sejak lebih 20 tahun kepada pesawah.

"Jadi ada dua pendekatan, satu boleh serah kepada parti, kedua beri kepada pesawah. Saya pilih untuk serah kepada pesawah," katanya.